

**150 pelajar ikuti program Selangkah ke Universiti 2012**

SERDANG, 13 Mei – Sebanyak 150 pelajar tingkatan empat daripada 17 buah sekolah menengah luar bandar terpilih mengikuti program Selangkah ke Universiti 2012 bagi memberi pendedahan serta motivasi kepada pelajar luar bandar mengenai pentingnya ke universiti.

Pengerusi Pendidikan, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI), Datin Sri Azlina Ahmad berkata pihaknya memandang berat terhadap pendidikan generasi muda kerana mereka merupakan tulang belakang dalam menstrukturkan masa depan negara.



“Dengan adanya ilmu pengetahuan, masyarakat akan bebas daripada belenggu kemiskinan serta memupuk budaya mencintai ilmu untuk manfaat bersama,” katanya pada majlis penutup program selangkah ke universiti di sini yang dianjurkan oleh BAKTI dan UPM.

Sementara itu, Ahli Parlimen Rembau, Negeri Sembilan, Khairy Jamaluddin berharap melalui program itu, pelajar-pelajar luar bandar yang datang daripada ahli keluarga yang tidak pernah ke universiti akan mendapat motivasi untuk belajar bersungguh-sungguh bagi memasuki universiti.

“Kita bukan sahaja mahu melahirkan pelajar yang cemerlang tetapi juga mahu melahirkan pelajar yang berfikiran kritis serta menghayati ilmu pengetahuan. Pelajar juga perlu mengenali potensi diri untuk berjaya dalam bidang yang ingin diceburi,” katanya.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata inisiatif itu adalah satu langkah proaktif yang amat signifikan antara universiti dan badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu meningkatkan kualiti pendidikan negara.



"UPM amat menyokong semangat tanggungjawab sosial korporat dalam membantu masyarakat melalui penerokaan ilmu dan teknologi baharu serta perkongsian pengetahuan untuk kemajuan negara," katanya.

Pelajar-pelajar turut didedahkan dengan suasana Campus Life di UPM dengan melawat Makmal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Kompleks Perkhidmatan Makanan, Hospital Veterinar Universiti, stesen radio Putra FM, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan Motion Capture, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC).

Seramai 55 fasilitator pelajar daripada Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) Kolej 10 dan 11 terlibat membantu pelajar-pelajar sekolah terbabit.

Berita ini disediakan oleh Noor Eszereen Juferi 03-89468985 dan foto oleh Noor Azreen Awang 03-89466199

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia